

PERKAHWINAN IKUT SYARIAT BERKAT, BEROLEH RAHMAT

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً

وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

(Surah An-Nisaa', ayat:1)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kekuatan iman dan taqwa kepada Allah SWT beserta keyakinan tentang dosa dan pahala menjadi pendinding diri daripada melakukan kemungkaran serta maksiat. Oleh itu, marilah kita tarbiah diri dan ahli keluarga kita untuk mematuhi segala perintah dan larangan Allah SWT dan Rasul-Nya sebagai usaha memperteguhkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT beserta orang yang bertaqwa dan berusaha memperbaiki amalannya.

KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Institusi keluarga diibaratkan sebagai unit asas dalam pembentukan masyarakat. Ini kerana dari keluarga lahirnya mereka yang bergelar suami atau bapa, isteri atau ibu dan anak-anak. Maka dalam kerangka membina keluarga sebagai institusi mengembangbiakkan zuriat dan mengembangkan masyarakat, Islam menganjurkan pernikahan atau perkahwinan. Hal ini sebagaimana nas-nas berikut.

Firman Allah SWT:

...فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ...

Maksudnya: "...Maka berkahwinlah dengan sesiapa kamu berkenan dari perempuan-perempuan..."
(S. An-Nisaa': 3).

Firman Allah SWT lagi:

وَأَنْكِحُوا الْأَيْمَىٰ مِنْكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَائِكُمْ ۚ إِنَّ يَكُونُوا فُقَرَاءَ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ وَاللَّهُ

وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٣٢﴾

Maksudnya: "Dan kahwinkanlah orang bujang (lelaki dan perempuan) dari kalangan kamu, dan orang yang soleh dari hamba-hamba kamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurnia-Nya, kerana Allah Maha Luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui." (S. An-Nur: 32).

Menyentuh hal yang sama, Rasulullah SAW menegaskan yang perkahwinan boleh mencegah seseorang daripada terjerumus ke kancah maksiat. Maka, Baginda SAW menganjurkan supaya para pemuda yang sudah mampu supaya berkahwin sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "Wahai sekalian pemuda, sesiapa yang berkemampuan dan mempunyai keinginan untuk berkahwin, maka berkahwinlah kerana perkahwinan akan memelihara pandangan dan kemaluan kamu. Sesiapa yang tidak mampu maka berpuasalah ia kerana dengan berpuasa dapat memelihara daripada kejahatan." (HR An-Nasai dan Abu Daud).

HADIRIN JEMAAH SEKALIAN,

Perkahwinan atau pernikahan merupakan satu akad yang menghalalkan pergaulan antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka. Ia adalah satu ikatan sangat murni antara lelaki dan perempuan untuk hidup bersama dalam sebuah rumah tangga untuk memperoleh zuriat keturunan dan mengembangbiakkannya dengan perasaan penuh kemesraan dan kasih sayang. Ini sejajar dengan hikmah perkahwinan itu yang digariskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ

لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir." (S. Ar-Rum: 21).

Jelas dari firman Allah SWT tersebut, perkahwinan dalam Islam mempunyai pengertian dan konsep yang sangat suci dan berbeza dengan agama lain. Ini kerana, apabila seorang lelaki dan perempuan Muslim bersetuju untuk berkahwin, mereka pada hakikatnya berjanji untuk menjaga amanah, menunaikan tanggungjawab dan memberikan hak kepada pasangannya. Ia membolehkan pasangan terbabit mengecap nikmat yang membawa kedamaian, menjauhkan maksiat, menghilangkan keresahan hati serta dapat meningkatkan nilai ibadat di sisi Allah SWT.

PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Sesungguhnya agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT telah sempurna dan tiada yang tertinggal untuk diperbaiki atau ditukang oleh manusia. Ia sempurna dalam segenap segi yang merangkumi soal ibadat, muamalat, akhlak dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan syariah. Disebabkan kesempurnaannya itulah maka umat Islam dilarang meniru serta menerapkan adat atau budaya dalam kehidupan harian yang bertentangan atau tidak selari dengan ajaran Islam yang sebenar.

Ini termasuklah dalam soal perkahwinan. Pernikahan dan majlis jamuan meraikan pengantin serta para tetamu hendaklah mengikut lunas-lunas syariat dan bukannya adat. Matlamatnya adalah untuk memastikan pernikahan dan majlis jamuan yang mengiringinya beroleh berkat dan rahmat dari Allah SWT.

Sehubungan itu, sesiapa yang berhasrat mendirikan rumah tangga bukan sahaja harus bersedia dari segi jasmani, rohani, emosi dan material, malahan apa yang lebih utama adalah bersedia dari segi ilmu agama, ilmu keibubapaan, ilmu mendidik anak-anak dan lain-lain lagi yang berkaitan.

Di samping itu, bakal pasangan juga hendaklah mengajukan permohonan bernikah kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri supaya pernikahan dikendalikan oleh juru nikah yang bertauliah. Ini adalah untuk memastikan pernikahan itu dijalankan mengikut syariat, mendapat sijil nikah yang sah selain memudahkan urusan pendaftaran kelahiran anak di Jabatan Pendaftaran Negara.

Perkara ini kita ketengahkan kerana masih terdapat pasangan Islam yang berkahwin tidak mengikut peraturan. Ada yang berkahwin melalui sindeket dan ada juga yang "*kahwin kampung*", iaitu perkahwinan yang biasanya dikendalikan di kampung tanpa dihadiri oleh jurunikah bertauliah. Perkahwinan seumpamanya bukan sahaja dikhuatiri tidak sah dari segi syarak, malahan turut berkemungkinan menghadapi kerumitan dalam urusan pendaftaran kelahiran anak.

SAUDARA MUSLIMIN YANG MULIA,

Dalam pada itu, masih terdapat di kalangan umat Islam yang berpegang kepada budaya tanpa mempedulikan daripada mana punca dan asalnya. Bagi mereka, adat dan kebiasaan perlu dipertahankan meskipun ia tidak selari dengan ajaran Islam. Sebab itu, budaya bersanding dan hiburan keterlaluan masih terus malar segar dalam majlis perkahwinan dalam masyarakat kita.

Padahal, budaya bersanding berasal dari masyarakat Hindu India, manakala budaya berhibur secara berlebihan pula dipercayai diwarisi dari Barat. Dengan hal yang demikian, budaya bersanding dan hiburan yang keterlaluan bukan ajaran Islam kerana ia menjurus ke arah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, pembaziran tenaga dan masa selain melalaikan diri daripada menunaikan perintah Allah SWT seperti solat fardhu.

Malahan, hiburan yang keterlaluan dengan suara nyanyian dan muzik yang kuat boleh mengganggu ketenteraman jiran tetangga selain boleh menimbulkan ketidakselesaan kepada sesetengah tetamu yang berkunjung.

Begitu pun, Islam tidak melarang sebarang adat tempatan dan budaya sesuatu tempat selagi mana adat dan budaya tersebut tidak mengandungi unsur-unsur yang diharamkan di dalam Islam. Tetapi sekiranya adat atau budaya itu bercanggah dengan agama Islam hendaklah ditinggalkan. Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW memperingatkan kita dengan sabdanya yang bermaksud: "*Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum dia termasuk dalam golongan mereka*". (HR Abu Dawud).

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Ingatlah! Perkahwinan bukan sekadar menyatukan pengantin lelaki dan pengantin perempuan tetapi lebih mendekatkan lagi dua buah keluarga supaya masing-masing saling kenal-mengenal serta memupuk perasaan mahabbah supaya hidup tenteram dan harmoni.

Sebab itu, umat Islam hendaklah terus berpegang teguh dengan ajaran Islam seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT dan Rasul-Nya dalam urusan perkahwinan. Meremehtemehkan syariat boleh menjadi sebab-musabab hilangnya keberkatan dalam sebuah perkahwinan.

Yakinlah bahawa, jika seseorang itu berkahwin dengan niat kerana Allah SWT, maka perkahwinan itu akan Allah SWT rahmati dengan kasih sayang berpanjangan.

Ini kerana, Allah SWT sangat pemurah lagi penyayang dan dengan rahmat-Nya, sesebuah perkahwinan itu diberkati-Nya. Yang penting, sesiapa yang berniat mahu mendirikan rumah tangga perlu meluruskan niat terlebih dulu supaya dipermudahkan dan mendapat pertolongan Allah SWT.

Nabi SAW pernah menggambarkan kegembiraan Baginda pada hari akhirat dengan bilangan umatnya yang ramai hasil daripada perkahwinan di kalangan umatnya. Ini sebagaimana Hadith Baginda yang bermaksud: *“Nabi SAW menyuruh kami supaya berkahwin dan melarang kami membujang.”*

Larangan itu beliau tekankan dengan cukup keras dengan bersabda: *“Nikahilah wanita yang subur dan penyayang, kerana aku bangga melihat umatku yang ramai pada Hari Kiamat kelak.”* (HR Ahmad).

Justeru, majlis perkahwinan yang banyak diadakan semasa cuti persekolahan di bulan November hingga Disember ini hendaknya menjadi motivasi kepada mereka yang masih bujang untuk berkahwin kerana dengan izin Allah SWT, ia tidak sulit seperti dibayangkan.

Maka berazamlah untuk mengikut sunnah Rasulullah SAW dengan meluruskan niat, menambah ilmu berumahtangga, meningkatkan ekonomi dan berusaha mencari jodoh dengan bersolat hajat dan berdoa dengan sabar. Ini sejajar dengan Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang) berdoa dengan berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang yang (mahu) bertaqwa.”* (S. Al-Furqaan: 74).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah